



Ruj Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 3 4(18)
Tarikh : 30 April 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG
(MMC 26473)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.


2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 16/2021 (18 April hingga 24 April 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia




KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 16/2021 dari 18 April hingga 24 April 2021)


Pada minggu ke-16, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 40 kes (8.8%), menjadikan jumlah kes 496 berbanding 456 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-16. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 8,809 kes berbanding 37,701 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 76.6% (28,892 kes), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak lima (5) kematian berbanding 63 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 58 kematian (92.1%) **(Lampiran A & C)**. Lokaliti hotspot berkurang sebanyak tiga (3) lokaliti menjadikan jumlah dua (2) lokaliti pada minggu ke-16 berbanding Lima (5) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Kesemua lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 30 kes pada minggu ke-16 yang mana 12 kes dari Kedah, sembilan (9) kes dari WPKL & Putrajaya, lapan (8) kes dari Perak dan satu (1) kes dari Selangor. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 439 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 472 sampel darah dan 15 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.


Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan telah menggunakan pelbagai cara bagi mengawal penularan jangkitan Penyakit Denggi melalui aktiviti penghapusan tempat pembiakan, semburan kabus, aktiviti membunuh jentik-jentik serta berbagai kaedah lain. Namun usaha tersebut tidak akan berhasil tanpa sokongan dan kerjasama padu penduduk setempat. Penglibatan masyarakat yang masih rendah serta tabiat sebahagian masyarakat yang masih membuang sampah bukan pada tempatnya juga menghambat keberkesanan aktiviti kawalan yang telah dijalankan. Aktiviti gotong-royong sendiri oleh masyarakat serta aktiviti cari dan musnah amat penting untuk memutuskan rantai jangkitan Demam Denggi. Marilah kita bersama-sama meluangkan waktu 10 minit seminggu bagi aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
5 April 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 15 dan ke- 16 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 16 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-16 tahun 2021

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 16/2021
(18 April hingga 24 April 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 16/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 16/2020	
		Minggu 16 (18 April – 24 April 2021)		Minggu 15 (11 April – 17 April 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	3	0	18	0
2	Kedah	11	0	9	0	122	0	339	0
3	P. Pinang	7	0	10	0	161	0	316	1
4	Perak	10	0	8	0	199	0	1,205	1
5	Selangor	314	0	275	1	4,965	1	22,776	25
6	WP KL & Putrajaya	48	0	47	0	962	1	3,045	4
7	N. Sembilan	5	0	10	0	225	1	822	2
8	Melaka	12	0	15	0	309	0	705	4
9	Johor	38	0	41	0	831	1	3,079	11
10	Pahang	7	0	15	0	202	1	950	2
11	Terengganu	0	0	0	0	17	0	107	0
12	Kelantan	4	0	2	0	90	0	1,419	2
13	Sarawak	13	0	7	0	155	0	882	2
14	Sabah	26	0	17	0	565	0	2,034	9
15	WP Labuan	1	0	0	0	3	0	4	0
	MALAYSIA	496	0	456	1	8,809	5	37,701	63

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 16/2021
(18 April hingga 24 April 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jln Impian Murni 2 & 3 Saujana Impian	17	62
2	SELANGOR	Kuala Selangor	Desa Coalfield (2/1-2/9)	29	41

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 16/2021 (25 April 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Johor	Kluang	1	32
		Muar	1	
		Tangkak	30	
2.	Kedah	Baling	1	80
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	53	
		Kulim	21	
		Langkawi	1	
		Sik	3	
3.	Kelantan	Gua Musang	1	9
		Kuala Krai	3	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	1	
		Tumpat	3	
4.	Melaka	Alor Gajah	1	15
		Melaka Tengah	14	
5.	Perak	Kinta	3	123
		Kuala Kangsar	16	
		Larut Matang & Selama	17	
		Manjung	87	
6.	Pulau Pinang	Barat Daya	8	19
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	2	
7.	Selangor	Gombak	3	71
		Hulu Langat	17	
		Klang	50	
		Petaling	1	
8.	WP Kuala Lumpur	Kepong	72	90
		Lembah Pantai	3	
		Titivangsa	15	
JUMLAH KUMULATIF			439	

